



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# THE **DOCTORAL** **RESEARCH ABSTRACTS**

Volume: 10, Issue 10   October 2016

# TENTH ISSUE

INSTITUTE of GRADUATE STUDIES

IGS Biannual Publication



Name : NAJAHUDIN LATEH

Title : PEMBANGUNAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (iPEPS) DI MALAYSIA

Supervisor : ASSOC. PROF. DR. GHAFARULLAHHUDDIN DIN (MS)  
PROF. DR. MUHAMAD RAHIMI OSMAN (CS)  
ASSOC. PROF. DR. EZANI YAAKUB (CS)  
DR. SALMY EDAWATI YAACOB (CS)

Fenomena pelaburan emas pada masa kini memerlukan suatu garis panduan syariah yang spesifik dan komprehensif kerana terdapat ketidaksepakatan dalam kalangan ulama tentang hukum-hakam transaksi emas. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan instrumen Pelaburan Emas Patuh Syariah (iPEPS) yang standard berdasarkan senario transaksi di Malaysia. Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan pendekatan kajian Reka bentuk dan Pembangunan oleh Richey & Klein (2007) yang diubah suai melalui tiga fasa; analisis, reka bentuk dan penilaian. Fasa pertama bertujuan untuk mengenal pasti kriteria yang diperlukan untuk membangunkan panduan patuh syariah yang komprehensif dalam pelaburan emas. Fasa kedua bertujuan untuk mereka bentuk konstruk iPEPS yang disepakati pakar muamalat sementara fasa ketiga menilai tahap kualiti kesahannya dan menghasilkan profil pelaburan emas. Kutipan data bagi fasa pertama, iaitu analisis melibatkan 56 pelabur emas dan tiga orang pakar dengan menggunakan set soal selidik dan temu bual berstruktur. Data bagi fasa ini dianalisis menggunakan nilai taburan frekuensi dan peratus serta transkripsi temu bual. Data fasa kedua, iaitu reka bentuk dikutip menggunakan set soal selidik skala Likert 4-poin melalui Teknik Delphi ubah suai sebanyak dua pusingan melibatkan 13 orang pakar. Data fasa terakhir, iaitu penilaian pula melibatkan 40 pelabur dan institusi pelaburan emas yang kemudian dianalisis menggunakan model pengukuran Rasch. Dapatkan data Fasa Analisis menunjukkan semua (100 peratus) pelabur dan pakar bersetuju bahawa panduan pelaburan emas dalam bentuk instrumen sangat diperlukan. Semua responden juga bersetuju bahawa panduan tersebut

perlu mempunyai tiga dimensi, iaitu (i) pelabur dan institusi pelaburan; (ii) barang dan harga; dan (iii) akad tawaran. Kriteria bagi panduan tersebut adalah berdasarkan dua kontrak utama pelaburan emas, iaitu *al-bay'* dan *bay' al-sarf*. Dapatkan data pada Fasa Reka Bentuk pula menunjukkan semua (100 peratus) pakar Delphi bersetuju dengan ketiga-tiga dimensi tersebut. Dapatkan fasa ini juga menunjukkan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan mereka untuk menerima 33 item dengan skor median adalah 4 dan Julat Antara Kuartal (JAK) 0.00-1.00. Skor ini disokong oleh analisis *Fuzzy Delphi Method* (FDM) yang menunjukkan nilai *threshold* ( $d \leq 0.2$ ) serta peratusan kesepakatan pakar ( $\geq 75\%$ ). Pada Fasa Penilaian, satu item telah digugurkan pada kajian rintis kerana tidak sepadan (*misfit*) dengan nilai PTMEA CORR negatif (-0.17 $logit$ ) dan berada di luar sempadan yang ditetapkan (*outfit z-std*=2.9). Kajian tinjauan sebenar telah mengekalkan 32 item yang mempunyai ciri kesahan baik bagi setiap item dan person (nilai kebolehpercayaan item: 0.94; kebolehpercayaan person: 0.94; PTMEA CORR item yang positif; *infit* MNSQ item=0.44-1.66 $logit$ ; dan *z-std*  $> -/+2$ ). Profil pelaburan emas menunjukkan majoriti institusi pelaburan emas tidak patuh syariah. Hanya 7.5 peratus yang mempunyai komitmen tinggi untuk mematuhi kriterianya. Kajian ini berjaya menghasilkan panduan pelaburan emas secara syariah berkualiti tinggi serta garis panduan proses menjalankan kajian pembangunan instrumen atau modul yang empirikal untuk manfaat semua.